

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 JAN 2015

# PM ucap tahniah kepada Yasmin

Um - 27/1/2015

**KUALA LUMPUR 26 Jan.** - Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan tahniah kepada Yasmin Noorul Amin kerana berada dalam kalangan 50 guru yang disenarai pendek untuk Hadiah Guru Global anjuran Yayasan Varkey GEMS.

Perdana Menteri turut berharap guru Fizik dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) La Salle, Petaling Jaya itu akan berjaya merangkul hadiah berprestij dalam bidang perguruan di peringkat antarabangsa itu.

“Semoga kejayaan ini akan memberi inspirasi kepada semua guru untuk terus mendidik pemimpin masa hadapan. Semoga Cikgu Yasmin berjaya,” katanya dalam kenyataan melalui laman Facebook milik beliau hari ini.

Semua calon yang disenarai pendek merupakan guru-guru cemerlang dari 26 negara dan hanya seorang pemenang akan dipilih untuk menerima anugerah berkenaan.

Hadiah wang tunai bernilai AS1 juta (RM3.6 juta) bakal menjadi milik guru paling cemerlang di dunia bagi mengiktiraf sumbangan luar biasa yang diberikan terhadap bidang perguruan.

Calon-calon akan dinilai dari segi keupayaan membuka minda para pelajar, sumbangan kepada masyarakat dan inisiatif menggalakkan individu-individu lain memilih bidang perguruan sebagai kerjaya.

Secara keseluruhan, lebih 5,000 pencalonan diterima dari 127 negara di seluruh dunia tahun ini.